

**Ketua Menteri Ketuai Jelajah Berbasikal Sempena Ulang Tahun Ke-750 Melaka
Bernama
30 Disember, 2011**

MELAKA, 30 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam akan mengetuai Program Jelajah Berbasikal Melaka sejauh 242 kilometer sempena sambutan ulang tahun ke-750 Melaka yang akan diadakan selama dua hari dari Ahad ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan, Penerangan, Perpaduan dan Pengguna negeri Datuk Ghazale Mohamad berkata program jelajah ke seluruh daerah negeri ini dijangka disertai 7,000 peserta.

Program itu yang akan bermula dan berakhir di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) turut terbuka kepada peserta di daerah yang terletak di sempadan Melaka seperti Tampin, Muar, Tangkak dan Port Dickson, katanya kepada Bernama semasa dihubungi Jumaat.

Ghazale berkata objektif program anjuran kerajaan negeri itu ialah bagi membudayakan aktiviti sukan berbasikal di samping memupuk kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan alam sekitar.

Beliau berkata program itu merupakan program bebas merokok dengan peserta dilarang merokok dan pihak berkuasa akan memantau dan mendenda peserta yang melanggar larangan itu.

Katanya hadiah misteri turut menanti para peserta manakala pelbagai aktiviti menarik akan diadakan di Dataran MBMB seperti gerai jualan, pameran dan pemeriksaan kesihatan percuma sempena program itu.

Beliau berkata antara laluan pada hari pertama program itu sejauh 112km ialah Melaka Mall, Jalan Taming Sari, Lebuh AMJ, Kandang, Umbai, Pulai, Tedong, Simpang, Merlimau, Ayer Tawar, Batu Gajah Pasir dan pekan Merlimau.

Antara laluan pada hari kedua membabitkan jarak 130km ialah Ayer Limau, Masjid Tanah, Alor Gajah, Lapangan Terbang Batu Berendam dan Bukit Beruang, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637367>